



مَسْجِدُ سَيِّدِنَا عَلِيٍّ بُؤَكَيْتُ سَنْتُوسَا

MASJID SAIDINA ALI
JALAN ANGGERIK 6, SEKSYEN BS7, BUKIT SENTOSA 2,
48300 RAWANG, SELANGOR DARUL EHSAN.

TEL : 03-6021 5776

Email : masjidsaidinaali2016@gmail.com

Laman Web : www.masjidsaidinaali.com.my

TARIKH :24 APRIL 2025

Kepada:

SEMUA AHLI KARIAH MASJID SAIDINA ALI

ASSALAMUALAIKUM WBT.

Tuan/Puan,

**PENDAFTARAN, SEMAKAN DAN BANTAHAN DAFTAR AHLI KARIAH UNTUK
MESYUARAT AGUNG KHAS PENCALONAN DAN PEMILIHAN ANGGOTA
JAWATANKUASA KARIAH DAN PEMERIKSA KIRA-KIRA BAGI MASJID
SAIDINA ALI BAGI SESI 2026/2028**

Sukacita dimaklumkan Masjid Saidina Ali akan mengadakan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Kariah dan Pemeriksa Kira-kira bagi Sesi 2026/2028 yang akan diadakan tidak lama lagi.

2. Sehubungan dengan itu, bagi melayakkan tuan/puan mengundi atau dicalonkan untuk jawatan yang disebutkan, tuan/puan hendaklah mendaftar sebagai Ahli Kariah Berdaftar. Pendaftaran dan Semakan boleh dibuat secara 'online' dengan melayari laman web Masjid Saidina Ali di pautan www.masjidsaidinaali.com.my ATAU mendapatkan borang Pendaftaran Ahli Kariah di pejabat masjid pada waktu pejabat atau daripada Pengerusi/Setiausaha surau tuan/puan.

3. Semakan secara manual boleh dibuat dengan melihat papan kenyataan dimasjid atau surau masing-masing (bagi kariah surau). Tuan/puan juga boleh menghubungi Pengerusi/Setiausaha surau masing-masing bagi membuat semakan.

4. Syarat-Syarat kelayakan Ahli Kariah Berdaftar adalah seperti berikut :-

Mana-mana orang yang layak menjadi ahli kariah berdaftar bagi sesuatu masjid dan surau jika memenuhi syarat-syarat kelayakan seperti berikut :-

- Warganegara Malaysia
- Berumur 18 tahun dan ke atas.
- Berpegang dan beramal dengan pegangan **Ahli Sunah Waljamaah**; dan
- Tinggal tetap bermukim atau bermastautin sekurang-kurangnya tempoh **empat (4) bulan** di dalam sesuatu kariah masjid atau surau yang dia hendak mendaftarkan dirinya sebagai ahli kariah berdaftar.

Dokumen yang perlu disertakan ialah :-

- a. Salinan MyKad (Kad Pengenalan)
- b. Salinan bukti dokumen sokongan (bil air/internet atau surat sokongan) dan disahkan oleh Tn. Nazir atau Pengerusi Surau. – Jika alamat MyKad berbeza dengan alamat maustatin.

(Rujuk Garis Panduan Pendaftaran Ahli Kariah 7.2(b) M/s 40)

5. Bantahan kepada mana-mana ahli kariah yang tidak layak menjadi ahli kariah berdaftar boleh di buat dengan mengisi Borang Bantahan Daftar Kariah dengan muat- turun dari laman web masjid (seperti diatas) atau dengan mendapatkan borang bantahan di pejabat masjid atau daripada Pengerusi/Setiausaha Surau.

6. Tarikh Tutup Bagi Pendaftaran dan Bantahan adalah ISNIN 30 JUN 2025.

JAM 5:00 petang. Selepas tarikh dan waktu tersebut, pendaftaran akan ditutup dan senarai akan dianggap sebagai muktamad dan sah.

Sekian, terima kasih.

Yang Menjalankan Tugas,



(**NOR ARISHAM BIN HAJI BAKAR**)

Setiausaha,

MASJID SAIDINA ALI

c.c. Fail